



30 NOV, 2022

MOSTI berusaha jadikan Malaysia negara berteknologi tinggi

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2

MOSTI berusaha jadikan Malaysia negara berteknologi tinggi

KUALALUMPUR: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang berusaha menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi melalui sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE), kata Ketua Setiausaha kementerian Datuk Dr Aminuddin Hassim.

Beliau berkata MOSTI mahu Malaysia menerajui teknologi dan inovasi maju untuk meningkatkan daya saing global negara dan kementerian percaya bahawa pengukuhan dasar dan peraturan akan memakmurkan pembangunan teknologi negara.

“Sains, teknologi dan inovasi (STI) memainkan peranan utama dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dari segi aspek ekonomi, kemasyarakatan, keselamatan dan alam sekitar negara.

“STI menyediakan asas untuk pembangunan teknologi mampan baharu untuk memenuhi keperluan manusia dan menangani cabaran global seperti isu kesihatan, perubahan iklim, masyarakat menua, perubahan gaya hidup dan banyak lagi,” katanya dalam ucaptamanya pada persidangan dua hari I-Nation 2022 Global Reset: Tech for Impact di Taman Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) di sini semalam. — Bernama



30 NOV, 2022

MOSTI berusaha jadikan Malaysia negara berteknologi tinggi

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

KEMENTERIAN TERAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang berusaha menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi melalui sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE), kata Ketua Setiausaha kementerian Datuk Dr Aminuddin Hassim. Beliau berkata MOSTI mahu Malaysia menerajui teknologi dan inovasimaju untuk meningkatkan daya saing global negara dan kementerian percaya bahawa pengukuhan dasar dan peraturan akan memakmurkan pembangunan teknologi negara.